

MIC, IPF sepakat

perjujuang aspirasi BN

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: MIC dan Barisan Kemajuan India Malaysia (IPF) akan bekerjasama dalam semua aspek politik dan sosioekonomi tetapi masih tegas dengan pendirian mengekalkan kewujudan dan identiti parti masing-masing.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kedua-dua parti itu tidak perlu bergabung bagi berkhidmat kepada rakyat negara ini, khususnya masyarakat India, sebaliknya sudah memadai jika mempunyai persefahaman bagi menjayakan semua aspirasi kerajaan Barisan Nasional (BN).

“Walaupun ada dua suara, MIC dan IPF pada dasarnya sudah bersatu padu serta bersatu hati. MIC selaku wakil masyarakat India dalam kerajaan BN akan penuhi segala kehendak serta keperluan IPF kerana kita mewakili kepentingan semua masyarakat India tanpa mengira fahaman politik.

“Bagaimanapun, isu sama ada IPF boleh memasuki BN tidak perlu dibincangkan sekarang. Itu kita

simpan dalam hati, bila sampai masanya kita akan umum. Hanya satu saja wakil masyarakat India dalam BN iaitu MIC. Kita tidak akan berubah daripada pendirian ini.

“Ini tidak menjadi masalah kerana walaupun parti berbeza, aspirasi, matlamat dan wawasan perjuangan yang sama membolehkan kita bersatu padu,” katanya pada sidang media selepas merasmikan perhimpunan Agung IPF Ke-15, di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden IPF, Tan Sri MG Pandithan; Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan beberapa pemimpin kanan MIC.

Kehadiran Samy Vellu ke perhimpunan itu disambut meriah dengan paluan gendang tradisi masyarakat India dan dipakaikan selempang yang tertera ‘Wira Kaum India’.

Perhimpunan yang dihadiri lebih 2,000 anggota IPF itu turut diselubungi perasaan sebak apabila Samy Vellu bangun dan mendakap Pandithan ketika Pandithan sedang berucap dan suasana ini mengimbau kembali hubungan antara mereka berdua sejak 20 tahun lalu.